

DALAM usaha mengem-
bangkan penyelidikan
tumbuhan transgenik,
Universiti Putra Malaysia
(UPM) memperkenalkan
rumah hijau lengkap dengan
kemudahan antarabangsa
iaitu Rumah Hijau Transgenik
(RHT).

Rumah hijau itu memberi
kemudahan kepada penye-
lidik UPM melakukan kajian
lebih mendalam mengenai
teknologi transgenik selain
menarik agensi penyelidikan
luar.

Naib Canselor UPM, Prof
Tan Sri Dr Nik Mustapha Raja
Abdullah berkata, RHT itu
diharap mampu membantu
penyelidik UPM menghasil-
kan produk baru termasuk
tumbuhan dan buah-buahan
bermutu tinggi.

"UPM akan memastikan
kemudahan ini diuruskan
dengan cekap dan menja-
na pembangunan industri
penyelidikan negara ke
peringkat lebih tinggi.

"Ia juga boleh menjadi
sumber rujukan pada masa
depan sekali gus membantu
UPM melakar nama

Rumah Hijau Transgenik



RASMI...perasmian RHT bakal menjadi landasan
merancakkan lagi penyelidikan transgenik UPM
dalam melestarikan pendidikan sepanjang hayat.

ke peringkat global dalam
industri penyelidikan," katanya.

Teks ucapannya dibacakan
Timbalan Naib Canselor (Pen-
yelidikan dan Inovasi) UPM,
Prof Datuk Dr Abu Bakar
Salleh.

Pembinaan RHT dilaksa-

nakan dalam tempoh 40
minggu dengan kos RM5 juta.

Berkeluasan 252 meter
persegi dengan dua bilik
bersuhu ambien yang dikeli-
lingi dawai keluli tahan karat
dan satu bilik bersuhu sejuk
berdinding polikarbonat.